

RANGKA KERJA PENYELARASAN SEMULA



MARI MERUNDINGKAN
SEMULA

Merundingkan Semula Kontrak Perniagaan dengan Rangka Kerja Penyelarasan Semula Bagi Perjanjian Sewa Beli (Hire-Purchase) dan Kontrak Sewa Peralatan Sahaja Skim Pembayaran Semula

Antara **15 Januari dengan 26 Februari 2021**, penyewa peralatan atau kenderaan komersial yang layak bagi Rangka Kerja Penyelarasan Semula boleh memanfaatkan Skim Pembayaran Semula yang merupakan sebuah pelan ansuran yang membolehkan mereka membayar tunggakan akru mereka dalam tempoh 18 bulan. Penyewa yang memanfaatkan Skim Pembayaran Semula tidak dibenarkan untuk menggunakan bantuan penamatan di bawah Rangka Kerja Penyelarasan Semula, dan sebaliknya.

Berikut ringkasan proses untuk memanfaatkan Skim Pembayaran Semula.

**Bermula
15 Januari hingga
26 Februari 2021**

**Tempoh
Rundingan
4 minggu**

**Tempoh Bantahan
2 minggu**

1 Penyewa ("Perniagaan Terjejas") boleh dapatkan bantuan di bawah Skim Pembayaran Semula dengan mengeluarkan **Notis Semakan** kepada semua pihak dalam kontrak dan pihak-pihak lain yang terlibat. ("Pihak Lain"), selewat-lewatnya pada 26 Februari 2021

2 Semua pihak mempunyai Tempoh Rundingan selama 4 minggu untuk merundingkan semula jadual pembayaran semula bagi bayaran yang tertunggak dan/atau syarat-syarat kontrak. Mereka harus berbincang, memahami kedudukan satu sama lain dan cuba mencari jalan yang dapat diterima semua pihak.

Sekiranya berjaya

3 Semua pihak meneruskan dengan kontrak yang diubah suai/ jadual pembayaran semula

Sekiranya tidak berjaya

Sekiranya Pihak Lain tidak membantah Notis Semakan yang dikeluarkan Perniagaan Terjejas

4a Jadual pembayaran semula yang disemak akan membentuk sebahagian kontrak bermula dari tarikh Notis Semakan

Sekiranya Pihak Lain membantah Notis Semakan yang dikeluarkan Perniagaan Terjejas (contoh, kelayakan Perniagaan Terjejas bagi Skim Pembayaran Semula)

4b Pihak Lain membuat **Notis Bantahan**. Kontrak diteruskan sementara kes dibawa ke pihak Penilai untuk menetapkan kelayakan Perniagaan Terjejas

